

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 12.12.2024 MASA: 05.30PM

**MUKTAMAD**



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PUSAT KITAR SEMULA  
RUMAH PANGSA DESA WAWASAN**

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**15 DISEMBER 2024 (AHAD)  
10.00 PAGI**

**RUMAH PANGSA DESA WAWASAN  
BUKIT MERTAJAM  
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati En Bernard Cheen Goon Hoi**

Whip Ahli Majlis Merangkap

Ketua Penyelaras Perasmian Pusat Kitar Semua Rumah Pangsa Desa  
Wawasan

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin**

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyelaras

Pusat Kitar Semula Rumah Pangsa Desa Wawasan

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Muhammad An-Nur Haqkim bin Mohamed Sharif**

Pengerusi Persatuan Penduduk Perumahan Rakyat Sungai Rambai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam **Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Rumah Pangsa Desa Wawasan**.
2. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Encik Muhammad An-Nur Haqkim bin Mohamed Sharif, Pengurus Persatuan Penduduk Perumahan Rakyat Sungai Rambai dan semua Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk Perumahan Rakyat Sungai Rambai yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mewujudkan Pusat Kitar Semula Rumah Pangsa Desa Wawasan serta kepada semua hadirin yang turut hadir bagi menjayakan program ini pada hari ini.
3. Program Perasmian Pusat Kitar Semula Rumah Pangsa Desa Wawasan pada hari ini merupakan aktiviti yang menggalakkan usaha melestarikan alam sekitar, mendidik masyarakat tentang kepentingan kitar semula serta memberi kesedaran bahawa sisa kitar semula adalah sesuatu yang berharga dan berpotensi menjana pendapatan.
4. Program ini bertujuan meningkatkan tahap kesedaran masyarakat tentang kepentingan pengasingan sisa di punca, di samping memperkenalkan kewujudan sangkar kitar semula kepada

masyarakat, khususnya para penduduk di sekitar Rumah Pangsa Desa Wawasan. Penempatan sangkar kitar semula di lokasi ini adalah strategik kerana ia merupakan kawasan tumpuan orang ramai.

5. Kitar semula merupakan satu konsep penjagaan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Memandangkan jumlah sampah harian manusia semakin bertambah tahun demi tahun selari dengan pertambahan populasi, maka amalan kitar semula dilihat satu alternatif yang bagus untuk melambatkan penggunaan sumber-sumber semula jadi yang terdapat di sekeliling kita.
6. Untuk memastikan keberkesanan program kitar semula, MBSP menjalin kerjasama strategik dengan universiti, sekolah, NGO dan persatuan penduduk. Salah satu kaedah adalah dengan mewujudkan pusat-pusat kitar semula di kawasan-kawasan perumahan dan kampung di seluruh Seberang Perai. Sehingga ini terdapat 41 pusat kitar semula (termasuk Pusat Kitar Semula Rumah Pangsa Desa Wawasan) di Seberang Perai iaitu 12 Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Utara, 21 Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Tengah dan Iapan (8) Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Selatan.
7. Sempena program ini, satu taklimat khusus mengenai pengasingan sisa di punca turut diadakan bagi memberi penerangan terperinci tentang kaedah pengasingan sisa di punca yang dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang. Taklimat ini juga bertujuan menggariskan impak

negatif kepada alam sekitar sekiranya amalan kitar semula tidak diterapkan dalam kehidupan sehari-hari kita.

8. Akhir kata, saya menyeru semua yang hadir pada hari ini untuk bersama-sama menyahut seruan Kerajaan Negeri dan MBSP, dalam menggembungkan tenaga untuk menjayakan Program Kitar Semula di Seberang Perai. Marilah kita sama-sama mengikis sikap negatif bahawa program kitar semula ini hanya menyusahkan serta tidak memberikan apa-apa faedah. Ada juga yang beranggapan bahawa masalah sampah bukanlah tanggungjawab masyarakat. Marilah kita sama-sama menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan menjaga alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan program kitar semula.
9. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, sukacitanya saya merasmikan **Pusat Kitar Semula Rumah Pangsa Desa Wawasan**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***